KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

BIL.	NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH PELAWA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT AMBIL DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	**PKPMP.(S).400-5/6/174** **KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN KAPASITI SISTEM BEKALAN KUASA DAN BEKALAN KUASA TANPA GANGGUAN (UPS) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI PELAKSANAAN SISTEM e-KEHAKIMAN FASA 3 (eKF3) DAN SISTEM PERSIDANGAN VIDEO PENJARA (VC PENJARA) DI PUSAT DATA ISTANA KEHAKIMAN PUTRAJAYA**	Berdaftar dengan CIDB – Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **Gred G2 Kategori ME Pengkhususan E10 dan E11**	**13 Oktober 2026 (Selasa)** **12.00 tengah hari** Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui telefon: **03-8880 9497** **03-8880 3881** **03-8880 3832**	**15 Oktober 2026 (Khamis)** **9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari** Bertempat di: **Unit Perolehan, Bahagian Pengurusan, Aras 3, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA**	**22 Oktober 2026 (Khamis) 12.00 tengah hari** Serahan Dokumen bertempat di: **Kaunter Setempat Aras 1, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA**

1. Paparan iklan boleh dilihat di **Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar** dan ***MyPROCUREMENT*** pada **13 Oktober 2026 (Selasa).**

2. Penyebut Harga diwajibkan membawa bersama Cop Syarikat, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) asal dan salinan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal dan salinan serta Sijil CIDB asal dan salinan (salinan tidak akan dikembalikan) bagi tujuan pengambilan dokumen sebutharga.

3. **Selain daripada penama yang tercatat di dalam sijil PPK/SPKK/CIDB, wakil syarikat hendaklah mengemukakan surat kebenaran pewakilan syarikat (asal) semasa urusan pengambilan dokumen sebutharga.**

4. **Dokumen Sebut Harga boleh diambil** di Unit Perolehan, Bahagian Pengurusan, Aras 3, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA**.**

5. Dokumen Sebut Harga **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga** pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **sebelum atau pada 22 Oktober 2026 (Khamis) jam 12.00 tengahari,** di alamat:

   Kaunter Setempat
   Aras 1, Pejabat Ketua Pendaftar,
   Mahkamah Persekutuan Malaysia,
   Istana Kehakiman, Presint 3,
   62506 PUTRAJAYA

6. Penyebut Harga yang lewat menghantar Dokumen Sebut Harga **ASAL** seperti mana arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

7. Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Sebut Harga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.